

24 JUL 1999

DR MAHATHIR LAWAT BEBERAPA PROJEK LADA

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghabiskan sedikit masa melawat beberapa projek yang dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di kawasan Teluk Burau, di sini, hari ini.

Selepas tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, di sini, Dr Mahathir melawat Kampung Pelancong dengan diringi Pengurus Besar LADA Datuk Abdul Halil Mutalib.

Projek bernilai RM20 juta itu akan mempunyai 30 bilik penginapan, 26 unit kedai, empat restoren yang akan menghidangkan masakan Melayu, Cina, Jepun dan Siam.

Projek itu akan mempunyai ciri-ciri Malaysia dalam senibinanya bersama sedikit elemen penjajah.

Dr Mahathir juga melawat istana musim panas di Pantai Kok, yang dibina dengan kos RM1 juta yang digunakan untuk penggambaran filem Hollywood "Anna and The King".

Istana itu yang memaparkan ciri-ciri senibina Siam diserahkan kepada LADA oleh penerbit filem itu, 20th Century Fox, selepas penggambaran filem itu selesai pada pertengahan April lepas.

Sebelum itu, Dr Mahathir, yang mempunyai jadual ketat untuk empat hari akan datang, mengadakan pertemuan dengan Presiden Botswana Festus G.Mogae di Berjaya Langkawi Beach and Spa resort.

Dr Mahathir akan menyertai lapan ketua kerajaan, menteri-menteri kanan dan tokoh-tokoh industri di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '99) esok.

Perdana Menteri juga dijangka melawat projek Langkawi Lagoon, di kawasan Kuala Triang esok.

-- BERNAMA

NH PR